



BANTUAN JALAN RAYA DAN PERKHIDMATAN YANG BERKAITAN ROADSIDE ASSISTANCE AND RELATED SERVICES

Pelanggan boleh merujuk kepada Senarai Semak Bantuan Jalan Raya seperti berikut:

Subscribers may refer to the following Roadside Assistance Checklist:

Senarai semak Awda bila menghubungi untuk bantuan
Your checklist when calling for help

Untuk mendapatkan bantuan iCARE, sila hubungi 242 2222

- i. Pastikan Awda menyediakan butir-butir kenderaan,
- ii. Pastikan Awda menyediakan nombor telefon untuk dihubungi,
- iii. Sila nyatakan lokasi kenderaan Awda, dan
- iv. Sila nyatakan masalah kenderaan yang Awda alami

For iCARE assistance, simply call 242 2222

- i. Please provide details of Your vehicle,
- ii. Please provide Your telephone number to contact,
- iii. State the location of Your vehicle, and
- iv. State Your vehicle's problem(s)

Utamakan Keselamatan / Safety First

Berada bersama kenderaan Awda / Stay with Your vehicle

Jika kenderaan Awda mengalami kerosakan di kawasan yang merbahaya, sila maklumkan kepada operator ketika membuat panggilan dan pastikan Awda tidak terdedah kepada sebarang bahaya daripada kenderaan lain.

If Your vehicle broke down in a hazardous location, please inform the operator when calling and ensure that You are not exposed to any danger from oncoming vehicles.

Jangan tinggalkan kenderaan Awda / Do not leave Your vehicle

Awda hendaklah berada bersama kenderaan Awda di tempat kejadian. Jika Awda tidak berada di tempat kejadian bersama kenderaan Awda, iCARE tidak akan dapat menjalankan tugas mereka.

It is vital for You to remain with Your vehicle at the incident site. If Your vehicle is unattended, iCARE will not be able to perform their job.

Jika Awda terpaksa meninggalkan kenderaan Awda atas sebab keselamatan, sila maklumkan pusat talian iCARE.

If You have to leave Your vehicle for safety reasons, please inform iCARE call centre.

Awda adalah dikehendaki untuk menggunakan perkhidmatan trak penarikan iCARE yang diiktiraf.

You are required to use the service of our authorised iCARE towing trucks.

Terma-Terma dan Syarat-Syarat* Terms & Conditions*

Di dalam terma-terma dan syarat-syarat ini,
In the following terms and conditions,

“Awda” merujuk kepada pelanggan-pelanggan iCARE.
“You/Your” refers to iCARE subscribers.

****iCARE berhak untuk menukar dasar perkhidmatan dan/atau terma-terma dan syarat-syarat tanpa notis.
*iCARE reserves the right to amend the service policy and/or terms and conditions without notice.***

Pengecualian Perkhidmatan Service Exclusions

iCARE tidak akan memberi sebarang perkhidmatan bagi kejadian berikut:
iCARE will not render any services under the following events:

- i. Kenderaan yang ditinggalkan tanpa pengawasan.
The vehicle that is left unattended.
- ii. Kenderaan yang melebihi 2.5 ton, 5.5 meter panjang dan melebihi daripada 9 tempat duduk.
Vehicles that are over 2.5 tonnes, 5.5 meters in length and more than 9 seater.
- iii. Kenderaan yang terlibat di dalam sebarang perlumbaan atau sukan bermotor.
Vehicles that are involved in any form of racing or motor sports.
- iv. Kenderaan yang telah diubahsuai dari rekaan buatan asal.
Vehicles that have been modified from its original manufactured design.
- v. Kenderaan yang besar atau berat yang memerlukan perkhidmatan khas atau penarik kenderaan berat.
Large or heavy vehicles that requires special services or heavy towing vehicle.
- vi. Kenderaan yang memerlukan penarikan ke kawasan pelupusan atau pemusnahan.
Vehicles that require towing to a wrecking or disposal yard.
- vii. Bahagian kenderaan yang telah dibuka sepenuhnya atau sebahagiannya di dalam bengkel atau rumah.
Vehicles that have been dismantled fully or partly in the workshop or at home.
- viii. Kenderaan yang berada di kawasan yang terkawal kecuali ada kebenaran untuk iCARE memasukinya.
Vehicles located in a restricted access area unless with iCARE’s permission to enter.
- ix. Kenderaan yang berada di kawasan yang tidak dapat dilalui oleh trak penarikan seperti kawasan banjir, tanah runtuh, paya, lumpur, hutan, curam dan sebagainya.
Vehicles that are located in an area that is inaccessible for a towing truck such as flooding area, landslide, swamp, mud, forest, ravine and others.
- x. Kenderaan yang terkunci, hilang atau dicuri yang mana penarikannya adalah tidak mungkin dapat diteruskan dan boleh menyebabkan kerosakan terhadap kenderaan Awda.
Locked, lost or stolen vehicles whereby the towing is not possible and may cause damage to Your vehicles.
- xi. Kenderaan yang tidak berdaftar dengan perkhidmatan iCARE.
Vehicles that are not registered with iCARE services.
- xii. Kenderaan yang terlibat di dalam sebarang kegiatan yang melanggar undang-undang.
Vehicles that are involved in any illegal activities.
- xiii. Penarikan untuk tujuan pemeriksaan atau pendaftaran cukai jalan.
Towing for the purpose of road tax inspection or registration.
- xiv. Kenderaan yang telah menggunakan perkhidmatan penarikan sebanyak dua (2) kali dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas kerosakan akan dikenakan bayaran tambahan bagi penarikan ketiga dan seterusnya.
Vehicle that has utilised two (2) towing services within twenty-four (24) hours of the breakdown shall be charged with additional fees for the third and subsequent towing.

- xv. Penarikan dari bengkel ke bengkel.
Towing from workshop to workshop.
- xvi. Penarikan dari bengkel ke rumah.
Towing from workshop to home.
- xvii. Kenderaan yang tidak berdaftar di dalam rekod iCARE kami (sila rujuk kepada Deposit Perkhidmatan di dalam dokumen ini).
Vehicles that are not registered in our iCARE's record (Please refer to Service Deposit in this document).

Kelayakan Perkhidmatan (Terhad di Negara Brunei Darussalam sahaja) Service Entitlements (Limited in Negara Brunei Darussalam only)

Seksyen ini menerangkan bagaimana iCARE boleh membantu jika Awda menghadapi masalah bagi kenderaan yang berdaftar dengan iCARE semasa berada di jalanraya. Bantuan akan diberikan kepada mana-mana pemandu bagi kenderaan yang mengalami kerosakan, setelah kami membuat pengesahan ke atas kenderaan Awda, seperti berikut:

This section explains how iCARE can help You if Your iCARE registered vehicle encounter a problem while You are on the road. Assistance will be provided to any driver for the vehicle breakdown, upon our verification on your vehicle, such as follows:

1. Bateri Lemah / Flat Batteries

Jika bateri kenderaan Awda lemah, iCARE akan cuba menghidupkan bateri kenderaan Awda tertakluk kepada jenis kenderaan Awda. iCARE tidak akan bertanggungjawab bagi kos pembelian bateri kenderaan yang baharu.

If Your vehicle's battery is flat, iCARE will try to jump-start Your vehicle's battery depending on the type of your vehicle. iCARE is not responsible for the cost of buying a new vehicle's battery.

Syarat-Syarat Khas / Special Conditions:

Sila maklumkan iCARE jika kenderaan Awda memerlukan kelengkapan khas seperti alat khusus atau kabel bagi menghidupkan bateri kenderaan Awda.

Please advise if Your vehicle requires special equipment, for example, specific tools or cables to jump start the battery. Please inform iCARE if Your vehicle requires special equipment such as specific tools or cables to jump-start the vehicle's battery.

Bagi kenderaan yang memerlukan kelengkapan khas bagi menghidupkan bateri, iCARE akan merujuk kepada wakil penjual kenderaan franchise bagi bantuan. Semua kos akan ditanggung oleh Awda.

For vehicles that require special equipment to jump-start the battery, iCARE will refer to the representative of the franchise car dealer for assistance. All costs will be borne by You.

Jika bateri kenderaan Awda tidak dapat dihidupkan, kenderaan Awda akan ditarik.

If Your vehicle's battery cannot be jump-started, Your vehicle will be towed.

iCARE tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kerosakan disebabkan dari penghidupan bateri.

iCARE will not be responsible for any damage resulting from the jump-start.

2. Minyak Kecemasan / Emergency Fuel

Sekiranya berlaku kehabisan minyak secara tidak sengaja, iCARE akan menyediakan secara percuma minyak petrol atau diesel sehingga had lima (5) liter sahaja bagi membolehkan Awda sampai ke stesen minyak yang berhampiran.

If You unintentionally run out of fuel, iCARE will provide You with free unleaded petrol or diesel up to five (5) litres only in order for You to reach the nearest petrol station.

Jika stesen minyak tutup, iCARE akan membantu untuk mengiring kenderaan Awda terus ke rumah.

If the nearest petrol station is closed, iCARE will assist by escorting Your vehicle directly to Your home.

Syarat Khas / Special condition:

Perkhidmatan yang diberikan kepada panggilan yang berkaitan dengan panggilan bantuan Minyak Kecemasan adalah terhad, tertakluk kepada sebab-sebab yang berpatutan dan munasabah. Jika Awda membuat panggilan bagi bantuan kecemasan secara kerap dan berlebihan, maka iCARE berhak untuk menolak permohonan perkhidmatan daripada Awda atau bayaran tambahan akan dikenakan untuk bekalan minyak yang diberikan.

Services provided for calls relating to Emergency Fuel assistance are limited, subject to reasonable and logical basis. If You make frequent and excessive emergency calls, iCARE reserves the right to reject Your request for service or an additional charge will be imposed for the supplied fuel.

3. Tayar Pancit / Flat Tyres

Jika kenderaan Awda mengalami tayar pancit, iCARE akan memberikan perkhidmatan dengan menukarkan tayar yang pancit berkenaan dengan tayar simpanan asal yang boleh dipakai atau membantu Awda untuk membawa tayar yang pancit tersebut ke kedai tayar untuk diperbaiki, jika perlu.

If Your vehicle's tyre is flat, iCARE will provide service by changing the flat tyre with the vehicle's original spare tyre or help You to bring Your flat tyre to the tyre shop for a repair, if necessary.

Jika tayar kenderaan Awda pancit di tempat tinggal Awda, iCARE boleh membantu menukarkan tayar yang pancit tersebut dengan tayar simpanan asal pada kenderaan.

If Your vehicle's tyre is flat at home, iCARE can help You to change the flat tyre with vehicle's original spare tyre.

iCARE tidak akan bertanggungjawab ke atas kos pembaikan atau penggantian tayar yang pancit.

iCARE will not be responsible for the cost of repair and replacement of the flat tyre.

4. Kunci Kenderaan Hilang atau Terkunci / Lost or Locked Vehicle Keys

Jika kunci kenderaan Awda hilang, rosak atau kenderaan Awda terkunci, iCARE akan memberikan bantuan seperti berikut:

If Your vehicle's key is lost, damaged or Your vehicle is locked, iCARE will provide assistance as follows:

- i. Mengambil dan menghantar kunci ganti di dalam Negara Brunei Darussalam sahaja.
Collect and send the spare key within Negara Brunei Darussalam only.
- ii. Menyediakan perkhidmatan bagi membolehkan pemandu mendapatkan kunci ganti, jika perlu.
Provide service to enable the driver to obtain the spare key, if necessary.

5. Perkhidmatan Penarikan / Towing Services

Jika kenderaan Awda tidak dapat dijalankan kerana kerosakan elektrik atau mekanikal semasa di jalanraya, maka iCARE akan menarik kenderaan Awda ke pusat pembaikan yang terdekat atau lokasi yang Awda tentukan.

If Your vehicle is unable to be driven due to electrical or mechanical fault while on the road, iCARE will tow Your vehicle to the nearest repair centre or location specified by You.

Awda dikehendaki untuk mengiringi atau menaiki trak penarikan sehingga ke destinasi yang dituju bagi mengelak salah faham sekiranya timbul sebarang kerosakan atau kehilangan barang ketika proses penarikan dijalankan. iCARE tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan kepada kenderaan Awda disepanjang proses penarikan.

You are required to accompany or board the towing truck to the destination to avoid misunderstanding in the event of any damage or missing items during the towing process. iCARE will not be responsible for any lost or damage to Your vehicle throughout the towing process.

Syarat-Syarat Khas / Special Condition

- i. Perkhidmatan penarikan kenderaan ini adalah bagi semua pelanggan iCARE semasa tempoh Takaful berkuatkuasa sahaja.
Towing services are for all iCARE subscribers during the period of Takaful coverage.
- ii. Kenderaan yang telah menggunakan perkhidmatan penarikan sebanyak dua (2) kali dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas kerosakan akan dikenakan bayaran tambahan bagi penarikan ketiga dan seterusnya.
Vehicle that has utilised two (2) towing services within twenty four (24) hours of the breakdown shall be charged with additional fees for the third and subsequent towing.
- iii. Penarikan ke rumah pelanggan adalah dikira sebagai satu (1) penarikan.
Towing to iCARE subscriber's home is considered as one (1) towing.
- iv. Penarikan dari satu bengkel ke bengkel yang lain (tertakluk kepada jika bahagian kenderaan tidak dibuka sebahagiannya atau sepenuhnya sahaja) adalah dikira sebagai satu (1) penarikan.
Towing from one workshop to another workshop (provided that the vehicle is not dismantled partly or fully) is considered as one (1) towing.

Jika kenderaan Awda tidak dapat dijalankan disebabkan oleh kemalangan, iCARE akan menarik kenderaan Awda ke Accident Care Centre ("ACC") Insurans Islam TAIB General Takaful Sendirian Berhad atau ke bengkel yang diiktiraf.

If Your vehicle cannot be mobilized due to accident, iCARE will tow Your vehicle to Insurans Islam TAIB General Takaful Sendirian Berhad's Accident Care Centre ("ACC") or to any authorised workshop.

Penarikan kenderaan yang berada di dalam sempadan Malaysia iaitu Sabah dan Sarawak akan dikenakan bayaran tambahan. Vehicle towing within the boundary of Malaysia namely Sabah and Sarawak will be imposed with an additional charge.

Jika kenderaan Awda memerlukan perkhidmatan penarikan kenderaan yang merentasi sempadan Malaysia iaitu dari Sabah dan Sarawak, bayaran tambahan akan dikenakan seperti berikut:

If Your vehicle requires cross border towing services from Malaysia border of Sabah and Sarawak, an additional charge will be imposed as follows:

Dari / From	Destinasi / Destination	Caj / Charges
Limbang	Brunei Muara / Tutong / Kuala Belait / Temburong	B\$280.00
Miri	Kuala Belait / Tutong / Brunei Muara / Temburong	B\$370.00
Lain-lain di Sabah/Sarawak Others in Sabah/Sarawak	Brunei Darussalam	Sehingga / Up to B\$1,000.00

Panduan / Guidelines:

- Sila hubungi pusat panggilan iCARE untuk bantuan.
Please call iCARE hotline for assistance.
- Sila berikan lokasi secara terperinci seperti jarak, kampong, tanda jalan, dan lain-lain. Ini adalah bagi memudahkan iCARE untuk sampai ke tempat Awda. Sila ambil maklum bahawa perkhidmatan bantuan iCARE mungkin mengambil masa yang lama tertakluk kepada jarak dan lokasi kedua-dua pihak.
Please provide detailed location such as distance, kampong, road signs, landmarks, etc. This is important so that iCARE can reach You easily. Please be informed that iCARE service assistance may take time depending on the distance and location of both parties.
- Jika Awda bersetuju dengan bayaran tambahan yang dikenakan, maka iCARE akan menyediakan trak penarikan kenderaan yang tersedia dari mana-mana bandar Malaysia yang terdekat untuk membawa kenderaan Awda balik ke Negara Brunei Darussalam.
If You agreed to the additional charges, iCARE will arrange for any available towing trucks from the nearest Malaysian town to transport Your vehicle back to Negara Brunei Darussalam.
- Tertakluk kepada keperluan Awda, iCARE akan menyediakan kenderaan untuk membolehkan Awda balik ke Negara Brunei Darussalam, hanya terhad kepada hari kejadian dan untuk satu destinasi sahaja.
Subject to Your situation, iCARE will provide transportation to enable You to return to Negara Brunei Darussalam, only limited to the day of incident and for single destination only.

6. Pengangkutan Alternatif / Alternative Transport

Tertakluk kepada keperluan Awda, iCARE akan menyediakan pengangkutan secara percuma untuk membolehkan Awda meneruskan perjalanan, terhad kepada hari kejadian, satu destinasi dan dalam daerah yang sama sahaja.

Depending on Your requirement, iCARE will arrange alternative transport to enable You to continue Your journey, limited to the day of incident, single destination and within the same district only.

- Jika di luar daerah, bayaran tambahan yang akan dikenakan adalah seperti berikut:
The additional charges that will be imposed for outside district are as follows:

Dari / From	Ke / To							
	Negara / Country	Negara Brunei Darussalam				Malaysia		
	Daerah / District	Brunei Muara	Tutong	Kuala Belait	Temburong (Jambatan / Bridge)	Miri	Limbang	Kota Kinabalu
Brunei Muara	-	B\$35.00	B\$55.00	B\$35.00	B\$100.00	B\$60.00	B\$120.00	
Tutong	B\$35.00	-	B\$35.00	B\$55.00	B\$80.00	B\$80.00	B\$120.0	
Kuala Belait	B\$55.00	B\$35.00	-	B\$55.00	B\$60.00	B\$100.0	B\$120.0	
Temburong (Jambatan / Bridge)	B\$35.00	B\$55.00	B\$55.00	-	B\$100.00	B\$60.00	B\$120.00	

- ii. Jika Awda membuat panggilan untuk mengambil Awda di lokasi Awda dan menghantar ke tempat kerosakan, maka bayaran tambahan sebanyak B\$10.00 akan dikenakan.
If You make call for a pickup from Your whereabouts to the breakdown location, an additional charge of B\$10.00 will be imposed.

Awda juga boleh memilih perkhidmatan tambahan dengan bayaran seperti berikut:

You can also choose additional services with the following charges:

Perkhidmatan/ Service		
Pembelian bateri baru / Buying new battery	B\$15.00	*Di dalam daerah yang sama sahaja *Within the same district only
Penundaan kenderaan bagi cukai jalan / Towing for road tax		Mengikut harga pasaran Based on market price
Penarikan Rentas Sempadan / Cross Border Towing		
Dari / Ke From / To	B\$280.00	Temburong – Brunei Muara / Tutong / Kuala Belait
Dari / Ke From / To	B\$370.00	Limbang / Miri – Kuala Belait / Tutong / Brunei Muara

Had-had Perkhidmatan / Service Limitations

Berikut adalah antara perkara-perkara yang boleh menyebabkan iCARE menolak permohonan Awda atau menyebabkan kelewatan dalam memberikan bantuan.

Below are the reasons that may cause iCARE to reject your application or cause a delay in providing assistance.

- Ketiadaan trak penarikan atau pusat pembaikan yang terdekat di kawasan Awda atau Awda berada di kawasan pendalaman atau terpencil.
The absence of the nearest towing trucks or repair centre in your area or You are in a remote or isolated area.
- Keadaan atau gangguan yang di luar kawalan iCARE disebabkan oleh cuaca buruk, kemalangan teruk atau kesesakan lalulintas.
Unexpected or disruptive events that are beyond iCARE's control caused by extreme weather conditions, severe accidents or traffic congestions.
- Bencana alam seperti ribut, banjir atau keadaan bahaya yang boleh menghalang iCARE untuk memberikan bantuan.
Natural disaster such as storms, flood or dangerous situations that may prevent us from assisting You.

iCARE tidak akan bertanggungjawab bagi kehilangan atau kerosakan sama ada secara langsung atau tidak yang berpunca dari penyediaan perkhidmatan yang terkandung di dalam iCARE sama ada disebabkan oleh kecuaiannya ataupun tidak, tertakluk kepada undang-undang.

iCARE will not be responsible for any loss or damage either directly or indirectly resulting from providing services listed in iCARE whether due to negligence or not, subject to the law.

iCARE berhak untuk menukar terma-terma dan syarat-syarat skop perkhidmatan iCARE dari semasa ke semasa, jika perlu, tertakluk kepada keperluan pelanggan-pelanggan iCARE.

iCARE reserves the right to change the terms and conditions of the iCARE scope of services from time to time, when necessary, subject to the needs of iCARE subscribers.

Kos / Costs

iCARE hanya akan bertanggungjawab ke atas kerosakan sekiranya ianya berpunca daripada kecuaiannya iCARE semasa menjalankan tugas mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan, tertakluk kepada had-had dan pengecualian perkhidmatan yang ditetapkan. Semua kos bagi alat ganti, upah dan sebarang kos yang berkaitan dengan pembaikan kerosakan kenderaan Awda akan ditanggung oleh Awda sendiri.

iCARE will only be held responsible for any damages caused by iCARE if its due to their negligence while services are being rendered according to the terms and conditions stated, subject to the service limitations and exclusions. All costs for spare parts, labour charge and any costs associated with the repairs of your vehicle damage, will be borne by You.

Caj dan Saman / Charges and Summons

Penyedia penarikan kenderaan tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang bayaran perkhidmatan yang dikenakan oleh penyedia penarikan kenderaan yang tidak berdaftar dengan iCARE, pembayaran tol, tiket letak kereta, caj feri atau sebarang caj yang dikenakan semasa proses penarikan kenderaan Awda.

The towing operator will not be responsible for any towing charges by other towing providers that is not registered under iCARE, toll fees, parking tickets, ferry charges or any other charges incurred during towing of the vehicle.

Perkhidmatan penarikan kenderaan ini juga tidak akan bertanggungjawab bagi segala saman dan / atau kompaun yang dikenakan ke atas kenderaan Awda.

The towing operator will not be responsible for any summons and/or compound imposed on Your vehicle.

Deposit Perkhidmatan / Service Deposit

Sekiranya Awda tidak pasti mengenai penyedia perkhidmatan yang Awda langgani, maka bayaran deposit akan dikenakan bagi perkhidmatan yang diberikan tertakluk kepada jenis kenderaan dan jarak dari lokasi kejadian menuju ke destinasi.

If you are unsure about your service provider that you subscribe to, then a deposit fee will be charged for the services provided subject to the type of vehicle and the distance from the incident site to the destination.

Bayaran deposit tersebut akan dikembalikan kepada Awda dalam masa tujuh (7) hari waktu bekerja setelah mendapat pengesahan bahawa Awda adalah pelanggan iCARE.

The deposit fee will be returned to You within seven (7) working days upon confirmation that You are an iCARE subscriber.

Panggilan Perkhidmatan Yang Berlebihan / Excessive Service Calls

Definisi berlebihan ialah lebih dari biasa, kerap atau selalu, lebih dari yang diperlukan atau melebihi perkhidmatan biasa.

Definition of excessive is beyond the usual, too many or too frequent, more than necessary or beyond what is considered as normal service.

Jika iCARE menerima lebih daripada dua (2) panggilan dalam sehari dan berterusan pada hari seterusnya mengenai masalah yang sama, maka iCARE berhak untuk menolak permohonan Awda atau Awda akan dikenakan bayaran tambahan bagi perkhidmatan yang diberikan.

If iCARE receives more than two (2) calls in a day and continuously regarding the same problem, iCARE reserves the right to reject your application or You will be charged with an additional fee for the services rendered.

Pertanyaan / Aduan / Complaint / Enquiries

Jika Awda mempunyai sebarang maklum balas mengenai perkhidmatan iCARE, Awda boleh menghubungi talian **725 8072 / 725 8076** atau Awda boleh merujuk ke Unit iCARE kami di alamat berikut:-

*If you have any feedback on iCARE services, You can call us at **725 8072 / 725 8076** or visit our iCARE Unit at:-*

**iCARE Unit,
Insurans Islam TAIB General Takaful Sendirian Berhad,
Counter 8, Unit 5, 6 & 7, Ground Floor,
Bangunan Suria, Kiulap
BE 1118
Negara Brunei Darussalam**

Perkhidmatan iCARE ini dikendalikan oleh Insurans Islam TAIB General Takaful Sendirian Berhad.

This iCARE service is operated by Insurans Islam TAIB General Takaful Sendirian Berhad.

Sekiranya terma dan syarat ini diterjemahkan ke dalam bahasa yang berbeza dan terdapat perbezaan diantara versi Bahasa Inggeris dan terjemahan lain, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

If these terms and conditions are translated into different languages and there are inconsistencies between the English language version and any of the translation, the English version shall prevail.